



Ahad, 8 Disember 2024, 11:31 am



TikTok Shop
12.12
Jualan Akhir Tahun
Siaran Langsung

Menang hadiah mewah setiap 12 minit

11 Disember 2024 | 9pm - 11.30pm

tiktokshop_my | TV3

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Kes barang kemas Rosmah: Kerajaan fail rayuan pelantikan pakar

Oktober 11, 2019 @ 6:18pm



ISTERI bekas Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor. - Foto Asyraf Hamzah

KUALA LUMPUR: Kerajaan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan Datin Seri Rosmah Mansor melantik seorang pakar barang kemas bebas bagi mengenal pasti dan mengesahkan barang kemas yang disita polis tahun lalu.

Kerajaan yang diwakili Peguam Persekutuan Ashraf Hamid, merayu terhadap keseluruhan perintah mahkamah yang membenarkan pakar itu memeriksa barang kemas berkenaan yang kini dalam simpanan Bank Negara Malaysia (BNM).

Peguam Mohamed Reza Rahim yang mewakili Rosmah, isteri bekas Perdana Menteri, memberitahu pemberita selepas pengurusan kes dalam kamar hari ini di depan Hakim Wong Chee Lin, anak guamnya akan memfailkan permohonan untuk menangguhkan perbicaraan yang dijadualkan pada 21 hingga 24 Oktober ini sehingga keputusan rayuan kerajaan itu.

“Berikutan rayuan difailkan di Mahkamah Rayuan, kami menghadapi masalah untuk menyoal balas saksi plaintif (Global Royalty Trading SAL) kerana kami tidak tahu berapa banyak yang ada dan berapa yang tiada,” katanya yang menambah bahawa pakar berkenaan dari India.

DISYORKAN

- Ribut Darragh badai UK, 3 juta penduduk diarah berlindung dalam rumah
- Nik Amir ulangi kejayaan, diangkat Pengarah Terbaik
- A Galak terima Anugerah Khas Sepanjang Zaman
- FFM 33: Imaginur raih tujuh trofi termasuk Filem Terbaik

Mohamed Reza berkata, mahkamah menetapkan 16 Oktober untuk mendengar penangguhan permohonan Rosmah itu.

Sementara itu, Ashraf berkata rayuan kerajaan itu difailkan pada Rabu lalu.



Peguam Datuk David Gurupatham yang mewakili syarikat barang kemas berpangkalan di Lubnan itu berkata, anak guamnya mendepositkan RM75,000 ke mahkamah sebagaimana perintah mahkamah bagi jaminan kos dalam saman terhadap Rosmah.

“Kami bersedia untuk perbicaraan dan saksi plaintif sudah dipanggil,” katanya.

Global Royalty dalam saman yang difailkan pada 26 Jun tahun lalu mendakwa pada 10 Februari 2018, syarikat menghantar 44 barang kemas termasuk kalung berlian, anting-anting, cincin, gelang dan tiara, masing-masing bernilai hampir US\$124,000 (RM519,183) dan US\$925,000 (RM3.8 juta) kepada defendan melalui serahan tangan menerusi dua ejennya.

Syarikat itu mendakwa ketika serahan, Rosmah mengesahkan dan menerima terma serta syarat dalam Memorandum No 926 bagi barang kemas berkenaan.

Syarikat itu mendakwa melalui surat bertarikh 22 Mei 2018, Rosmah mengesahkan dan mengakui menerima barang kemas itu tetapi menyatakan ia tidak lagi berada dalam milikannya kerana disita dan kini berada dalam jagaan pihak berkuasa Malaysia.

Sehubungan itu, Global Royalty memohon perintah perisytiharan mahkamah bahawa syarikat itu pemilik sah ke atas barang kemas berkenaan dan turut memohon pemilikan barang kemas itu tidak dipindahkan kepada defendan.

Syarikat itu juga memohon perintah mandatori supaya Rosmah menyediakan senarai barang kemas yang dirampas dan supaya barang terbabit dipulangkan atau Rosmah perlu membayar harga barang kemas itu yang berjumlah US\$14.79 juta (RM59.83 juta). – BERNAMA



GELINTAR IKLAN

Pesara akan dapat membeli kereta elektrik ini, lihat harganya

KETAHUI L/

BERITA BERKAITAN

Pesara akan dapat membeli kereta elektrik ini, lihat harganya

[KERETA ELEKTRIK](#) | [MENCARI IKLAN](#) | [SPONSORED](#)

Rumah kontena 3 bilik tidur yang serba lengkap untuk warga emas: Lihat!

[PENGHANTARAN RUMAH KONTENA](#) | [IKLAN CARIAN](#) | [SPONSORED](#)